



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**  
**JUMAAT 11 APRIL 2025**

| <b>BIL</b> | <b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>                                            | <b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b> |
|------------|------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------|
| 1.         | TANAM TIMUN GUNA CARA MODEN, LOKAL, HM-23                              | LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG           |
| 2.         | AGROBANK BAKAL TRANSFORMASI 138 CAWANGAN HIJAU, NIAGA, KOSMO-30        | BANK PERTANIAN MALAYSIA (AGROBANK)    |
| 3.         | SG.TELUK GONG TERCEMAR, KANDUNGAN TOKSIK TINGGI, DALAM NEGERI, UM-1    | LAIN-LAIN                             |
| 4.         | SG.TELUK GONG TERCEMAR, KANDUNGAN TOKSIK TINGGI, DALAM NEGERI, UM-4    |                                       |
| 5.         | COMMUNITY LOW-CARBON PROJECTS CAN GET RM700,00 FROM MBIP, NEWS, STAR-5 |                                       |
| 6.         | TELUR AYAM GRED D TERPUTUS BEKALAN, LOKAL, HM-19                       |                                       |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Community low-carbon projects can get RM700,000 from MBIP

By YEE XIANG YUN  
xiangyun@thestar.com.my

ISKANDAR Puteri City Council (MBIP) is offering RM700,000 in grants to fund low-carbon initiatives this year, making it the highest amount yet.

Iskandar Puteri mayor Ahmad Nazir Mohd Nasir said the amount reflected MBIP's commitment towards developing a smart and sustainable city through various green activities.

"The Iskandar Puteri Low-Carbon Community Grant programme, which kicked off in 2021, has so far funded 94 community projects with a total of RM1.6mil.

"To date, we have reduced 410,314kg of carbon dioxide emissions through the programme," he said in an interview.

The fifth edition of the programme aims to assist more than 20 community projects focusing on themes such as agriculture and food security, climate change and adaptation as well as environmental education and awareness.

Ahmad Nazir said the programme was open to individuals, communities, schools, management committees of worship, residents' committees, joint management bodies, government agencies and non-governmental organisations located within the MBIP jurisdiction.

He said applications would be accepted until 5pm on May 2. "Each applicant stands to



Flat Impian Emas residents preparing to plant vegetables using the fertigation technique after receiving RM25,000 from the Iskandar Puteri Low-Carbon Grant programme.

receive up to RM50,000 for their proposed activities.

"We look forward to receiving applications for high-impact and value-adding projects."

Meanwhile, he said a comic book titled *Exploring the*

*Environment with Noah and Friends* had been pre-launched by the city council.

The publication for children, inspired by detective comics, was published with help from the grant programme.

"It serves to educate readers, especially primary pupils, about the effects of endocrine-disrupting chemicals on the human body and environment," he said. For grant details, go to bit.ly/nuatutunborangeranprk5

| TARIKH    | MEDIA              | RUANGAN         | MUKA SURAT |
|-----------|--------------------|-----------------|------------|
| 11/4/2025 | UTUSAN<br>MALAYSIA | DALAM<br>NEGERI | 1          |

Tidak sesuai untuk kehidupan, ancam kesihatan lebih 40,000 penduduk

# Sg. Teluk Gong tercemar, kandungan toksik tinggi

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
dan MOHAMAD ATHIR ISMAIL  
utusannews@medianula.com.my

**PUTRAJAYA:** Sungai Teluk Gong yang terletak di Pelabuhan Klang boleh diibaratkan sudah mati ekoran pencemaran yang serius hingga dengan kualiti airnya tidak sesuai untuk sebarang kehidupan.

Keadaan ini boleh mengancam kesihatan lebih 40,000 penduduk sekitarnya, selain memudaratkan ekosistem dan alam sekitar.


Hasil ujian kualiti air yang diambil dari empat anak sungai sepanjang kira-kira 20 kilometer yang mengelilingi Teluk Gong Hingga ke Pelabuhan Klang oleh sebuah makmal

bebas bertauliah di Selangor, mendapati kandungan amonia dalam airnya sangat tinggi.

Selain itu Keperluan Oksigen Biokimia (BOD) dan Keperluan Oksigen Kimia (COD) juga tinggi dari paras biasa jika mengikut Standard Kualiti Air Kebangsaan (NWQS), iaitu berada pada kelas V, kategori paling tercemar.

Kandungan BOD, COD dan tahap pencemaran organik atau kadar karbon organik (TOC) serta ammonia yang sangat tinggi menjadikan sumber air dari sungai itu bertoksik kepada kehidupan termasuk ikan-ikan tidak boleh hidup di dalamnya.

Bersambung di muka 4



**Kotor dan tercemar**

KEADAAN air yang tercemar pada tinjauan kualiti air Sungai Teluk Gong dan nelayan di Kampung Teluk Gong, Klang baru-baru ini. - UTUSAN/SADDAM YUSOFF

# Sg. Teluk Gong tercemar, kandungan toksik tinggi

## Dari muka 1

Tiga daripada empat lokasi itu sampel air diambil menunjukkan tahap pencemaran bahan-bahan terabai yang tinggi sekali gus menandakan pencemaran organik dan nitrojenik berat, konsisten sepanjang sungai.

Empat lokasi itu ialah anak Sungai Teluk Gong di Jalan Pusara Indah (Lokasi 1), Jambatan Jalan Teluk Gong (Lokasi 2), Pangkalan Nelayan Sungai Udang (Lokasi 3) dan Pangkalan Nelayan Jalan Perajurit (Pos PGA) (Lokasi 4).

Jumlah partikel padat terlarut dalam air (TSS bervariasi) di empat lokasi yang paling jernih pula (25 mg/L) masih tercemar dengan bahan kimia. Air nampak bersih tapi penuh bahan pencemar.

Dapatan ini menunjukkan sungai ini tergolong dalam kategori 'Sangat Tercemar (Kelas V)' secara keseluruhan, dengan hanya satu lokasi menunjukkan kualiti sedetihana (Kelas III).

Pencemaran utama datang dari bahan organik dan ammonia, berkemungkinan besar berpunca dari pembuangan sisa kumbahan (domestik atau industri), aktiviti penternakan



ZAKI ZAINUDIN

atau pertanian tanpa rawatan dan pelepasan tidak terkawal dari kawasan perbandaran.

*Utusan Malaysia* pada 15 September tahun lalu melaporkan isu pencemaran teruk di Teluk Gong yang kini bertukar sebagai pusat pelupusan dan pemprosesan sisa industri, plastik dan tayar terpakai berskala 'mega'.

Berlakunya keadaan itu akibat kewujudan puluhan kilang disyaki beroperasi secara haram menjalankan kerja-kerja pemprosesan sisa buangan yang tidak melalui proses atau prose-



KEADAAN air yang tercemar teruk berwarna hitam dipenuhi sampah sarap ketika tinjauan semula anak Sungai Teluk Gong, Klang, kelmarin.

dur yang betul. Namun selepas tujuh bulan laporan itu disiarkan, sehingga kini tiada sebarang tindakan diambil oleh pihak bertanggungjawab untuk mengatasi masalah itu.

Terkini, berdasarkan dapatan ujian sampel kualiti air itu mendedahkan, air sungai itu bukan lagi dikategorikan sebagai air sungai, malah lebih teruk daripada kategori air pelepasan sisa (industri dan domestik). Mengulas mengenai dapatan ujian itu, Pakar Kualiti Air dan Permodelan, Dr. Zaki Zainudin,

berkata, ammonia lazimnya berpunca dari pencemaran bahan organik, sisa domestik atau industri.

Ammonia juga boleh berpunca dari sisa kimia seperti pelarut dan lain-lain bahan kimia. Kesan kandungan tinggi ammonia dalam sumber air sungai boleh menjadi toksik kepada ikan, bermakna ikan-ikan sensitif tidak boleh hidup.

"Nilai BOD (air sungai atau alur air) melebihi 50 mg/L di kebanyakan lokasi persampelan. Ini bukan sahaja berada pada Kelas V (keadaan tercemar)

mengikut Standard Kualiti Air Kebangsaan, malah ia juga lebih tinggi dari Piawarian B, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 berkaitan kawalan pelepasan air sisa (industri dan domestik).

"Nilai BOD dan COD, yang begitu tinggi, menggambarkan ketidakpatuhan atau terdapat sumber pencemaran lain.

"Kandungan oksigen terlarut (DO) di banyak lokasi juga kurang dari 0.5 mg/L; sangat rendah dan tidak sihat untuk ekologi sungai atau jasad air," katanya di sini semalam.

Sebelum ini, *Utusan Malaysia* melaporkan kawasan Teluk Gong tercemar selepas bertukar sebagai pusat pelupusan dan pemprosesan sisa industri, plastik dan tayar terpakai berskala 'mega'.

Ia berlaku akibat kewujudan puluhan kilang disyaki beroperasi secara haram menjalankan kerja-kerja pemprosesan sisa buangan tidak melalui proses atau prosedur betul.

Keseluruhan kilang dan premis dikesan di sekitar sungai itu dipercayai menjadi penyumbang kepada masalah pencemaran di Teluk Gong sehingga menyebabkan air anak sungai menjadi hitam legam.

SECARA purata petani mampu meraih RM6,000 ke RM8,000 setiap tualan.



Kuala Lumpur

Tidak seperti dulu, menjadi petani pada zaman sekarang tidak lagi memerlukan seseorang itu berjemur di bawah panas terik menanti ataupun menggunakan tulang empat kerat bergelung dengan tanah.

Sebaliknya, perkembangan teknologi menghasilkan pelbagai teknik moden untuk bertani, antaranya ialah kaedah fertigasi, iaitu satu sistem pertanian yang tidak melibatkan tanah dengan tanaman diberikan baja serta air dalam bentuk larutan melalui sistem pengaliran titis.

Antara kelebihan sistem ini ialah pertanian dapat dijalankan dalam persekitaran terkawal dengan pemberian baja secara sistematik, penjimatan air serta mengelakkan penyakit bawaan tanah. Hasil yang dikeluarkan pula lebih berkualiti.

Faktor-faktor tersebut cukup untuk menarik perhatian Mohammad Amril Hussain, 38, mencuba nasib dalam bidang yang masih dianggap 'kerja kampung' itu pada 2019.

Kini, selepas hampir enam tahun bergelar petani sepenuh masa, beliau yang pada ketika itu bekerja sebagai perunding insurans, bersyukur keputusannya untuk melibatkan diri dalam penanaman timun secara fertigasi berjaya memberikan beliau pendapatan yang stabil dan cukup lumayan.

Mengimbas semula penglibatannya dalam pertanian, Mohammad Amril berkata sebagai perunding insurans, pendapatannya tidak menentu, membuatkan beliau berhasrat mencari pekerjaan lain.

"Ketika mencari-cari kerja baharu, saya lihat banyak program berkaitan pertanian di kaca TV. Dari situ terdetik hasrat untuk mencuba. Kebetulan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat membuka peluang kepada masyarakat menyertai mereka dalam program fertigasi berkelompok.

"Saya tidak berfikir panjang

## Tanam timun guna cara moden

*Kaedah fertigasi dapat dijalankan dalam persekitaran terkawal, jimat air, mampu elak penyakit bawaan tanah*



MOHAMMAD Amril menunjukkan tanaman timun di ladang fertigasinya.

dan terus rebut peluang itu," katanya.

Mesra disapa Amril, beliau berkata sekalipun bukan dari pada keluarga petani dan sifar ilmu pertanian, beliau membulatkan tekad untuk menceburi bidang itu.

"Sebagai persediaan, saya ikuti kursus anjuran PPK. Memang pada peringkat awal banyak tentang cara penanaman yang perlu dipelajari, misalnya tentang cara penanaman yang betul, macam mana nak jaga tanaman dan sebagainya. Waktu ini saya banyak terima ilmu daripada pegawai (PPK). Kerja di ladang juga dipantau oleh PPK," katanya yang mengusahakan timun secara fertigasi di Telok Mengkuang, Telok Panglima Garang, Selangor.

Mengakui agak sukar untuknya menyesuaikan diri di ladang semasa tahun pertama pengli-

batannya, Mohammad Amril berkata beliau berpegang pada pepatah alah bisa tegal biasa.

"Memasuki tahun ketiga, saya sudah memahami selok-belok penanaman timun ini dan tidak lagi ada masalah bekerja di ladang. Lebih-lebih lagi pertanian fertigasi ini membolehkan kita mengaplikasikan teknologi moden seperti IoT (Internet Pelbagai Benda)," katanya.

Berkongsi lanjut, Mohammad Amril berkata kaedah fertigasi mengubah cara kerja usahawan tani seperti ini, kerana mereka kini dapat memanfaatkan inovasi dan teknologi maklumat seperti IoT yang memudahkan kerja mereka di lapangan.

"Menerusi fertigasi, kita mengintegrasikan teknologi IoT bagi mengawal pembajaan dan penyiraman. Semua itu dapat dilakukan dengan mengguna-

kan aplikasi di telefon pintar," katanya yang menetap di Sungai Buloh, Selangor.

Menerusi IoT juga beliau dapat memantau kelembapan dan keperluan air baja secara automatik yang memastikan tanaman menerima penjagaan optimum pada sepanjang masa.

"Dulu, tanpa teknologi, petani perlu berada di ladang berjam-jam untuk membaja dan menyiram. Kini semuanya di hujung jari.

"Penggunaan teknologi juga membantu menjimatkan kos, khususnya tenaga kerja. Malah, keperluan baja tanaman kita juga dipantau sejak dari semaian hingga pokok timun ini matang. Setiap peringkat tumbesaran tanaman memerlukan sukatan baja yang berbeza.

"Kuantiti baja yang mencukupi pada setiap pokok adalah penting agar tanaman timun ini dapat mencapai tumbesaran yang seragam," katanya, menambah dengan sistem yang ada mereka hanya perlu turun ke ladang sekurang-kurangnya tiga hari seminggu.

Menurut beliau lagi, penggunaan teknologi itu juga meningkatkan pengeluaran hasil dan kualiti.

"Kita dapat hasilkan timun berged tinggi dengan setiap tiga biji mencapai berat purata satu kilogram," katanya.

Mengulas lanjut, Mohammad Amril berkata sebagai peserta berkelompok, beliau diberikan 2,000 unit polibeg.

"Bermula dari semaian hingga penuaian hasil hanya me-

TIMUN yang dikeluarkan menggunakan kaedah fertigasi lebih berkualiti.



ngambil masa kira-kira lima minggu. Timun dituai sebulan sekali dan setiap polibeg mampu menghasilkan hingga lima kilogram timun.

"Pihak PPK ada sasaran mereka sendiri, iaitu peserta perlu mengeluarkan minimum 10 tan metrik timun daripada 2,000 polibeg itu," jelasnya.

Menurut beliau lagi, pendapatan peserta juga bergantung pada jumlah hasil yang dituai, dengan secara purata mereka mampu meraih RM6,000 ke RM8,000 setiap tualan.

Sementara itu, Pengurus Besar PPK Kuala Langat Ahmad Firdaus Abdul Halim berkata pihaknya komited dalam membantu peserta menajaya pendapatan tinggi daripada hasil tanaman mereka.

Beliau berkata penggunaan teknologi terkini turut memastikan usahawan tani memperoleh pendapatan lebih stabil melalui kaedah pertanian yang lebih moden dan sistematik.

"Ladang ini berkeluasan dua hektar, berkapasiti 18,000 polibeg. Setakat ini seramai sembilan peserta berjaya dalam penanaman timun secara fertigasi ini," katanya, menambah ladang timun tersebut dikawal sepenuhnya menerusi teknologi IoT.

Ahmad Firdaus berkata PPK bukan sekadar memberikan kursus dan latihan kepada petani, malah turut membantu menjual hasil tanaman mereka kepada pihak berkaitan.

"Kesemua hasil timun yang dipetik akan dibawa ke Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP) PPK Kuala Langat.

Kemudian kita akan bantu petani mencari pembeli borong, edar ke pasar raya atau kilang-kilang untuk memastikan hasil timun fertigasi ini dapat dijual pada harga kompetitif," tambahnya.

# Agrobank bakal transformasi 138 cawangan hijau

Oleh LUQMAN RIDHWAN  
MOHD NOR

**BAGAN SERAI** – Agrobank bakal mentransformasikan 20 cawangan sedia adanya pada tahun ini menjadi cawangan hijau dalam usaha bank tersebut memenuhi komitmennya terhadap inisiatif alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, sebagai langkah awal, pihaknya telah memulakan langkah awal dengan melancarkan outletnya di sini menjadi cawangan hijau sulung seterusnya kepada fasa transformasi 50 cawangan lagi tahun depan.

"Dalam tempoh lima tahun ini, kami akan mentransformasikan 138 cawangan Agrobank yang dikenal pasti kepada cawangan hijau," katanya.

Beliau berkata demikian ketika pemberita selepas majlis perasmian cawangan hijau Agrobank di sini yang disempurnakan oleh Menteri Sumber Asli



**TENGGU AHMAD BADLI SHAH (dua dari kiri) bersama Nik Nazmi (tiga dari kiri) pada majlis pelancaran cawangan hijau pertama Agrobank di Bagan Serai semalam.**

dan Kelestarian Alam Sekitar, Nik Nazmi Nik Ahmad semalam.

Selain itu, Tengku Ahmad Badli Shah berkata, pembukaan cawangan hijau Bagan Serai yang menelan belanja RM45,000 itu merupakan satu inisiatif pen-

ting dalam usaha mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050.

"Melalui pembaharuan operasi serta sokongan terhadap pelanggan dalam amalan lestari, kami bukan sahaja dapat me-

ngurangkan jejak karbon terhadap alam sekitar, malah menjadi perintis kepada perubahan dalam sektor pertanian," katanya.

"Cawangan Bagan Serai yang dipasang 40 panel solar dan menjana 20 kilowatt-peak (kwp)

tenaga itu menggambarkan komitmen Agrobank terhadap penjagaan alam sekitar melalui beberapa inisiatif hijau.

"Cawangan ini dilengkapi dengan sistem solar, sistem pengumpulan air hujan 350 liter untuk kegunaan am dan landskap, sistem penyejukan cekap tenaga serta sistem pencahayaan LED yang direka untuk mengurangkan penggunaan tenaga.

"Melalui inisiatif ini juga, ia dapat mengurangkan bil air dan elektrik bulanan sebanyak 45 peratus. Sebagai contoh, bil elektrik dapat dijamin sehingga RM1,530.90 sebulan," katanya.

Melalui penjimatan tersebut, beliau berkata, hasilnya nanti akan digunakan untuk program mentransformasikan cawangan-cawangan Agrobank yang lain.

Dalam pada itu, Agrobank menyampaikan sumbangan zakat berjumlah RM80,988 kepada 10 buah masjid dan surau di sekitar Bagan Serai serta menyertakan manfaat perlindungan takaful sehingga RM665,000 kepada tiga waris peserta.

| TARIKH    | MEDIA        | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|---------|------------|
| 11/4/2025 | HARIAN METRO | LOKAL   | 19         |

## Telur ayam gred D terputus bekalan

**Kuala Lumpur:** Harga telur ayam gred D yang sebelum ini dilaporkan serendah RM5, menjadi rebutan orang ramai sehingga beberapa kedai runcit terputus bekalan.

Tinjauan Harian Metro di sebuah pasar raya dekat Pantai Dalam di sini, semalam mendapati telur ayam gred D dijual pada harga serendah RM4.99 bagi 30 biji.

Bagaimanapun, sebuah kedai runcit di kawasan berdekatan didapati menjual telur ayam gred D pada harga lebih tinggi iaitu RM9.50 bagi jumlah sama.

Manakala empat lagi kedai runcit dilihat hanya menjual telur ayam gred B sahaja pada harga antara RM11 hingga RM13.50.

Pekerja pasar raya yang hanya ingin dikenali sebagai Zaidah berkata, harga sepanan telur gred itu sebelum Ramadan lalu adalah RM11.90.

Menurutnya, ia mula dijual murah berikutan pelaksanaan Skim Harga Kawalan Runcit sejak 26 Mac lalu sempena sambu-

tan Aidilfitri yang menetapkan harga maksimum telur gred D RM0.16 sebiji.

"Walaupun tempoh skim berkenaan sudah tamat pada 7 April, harga telur masih dijual pada harga RM4.99 bagi 30 biji.

"Saya pun tak pasti harga ini terus rendah sampai bila. Kami hanya tunggu arahan pembekal, jika pembekal

kata harga telur sudah naik, baru kami naikkan harga," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Pekerja kedai runcit yang hanya ingin dikenali sebagai Razman pula berkata, telur gred D sudah habis terjual sehari sebelum Hari Raya Aidilfitri lalu dan bekalan baharu masih belum tiba.

"Memang turun mendadak sehingga orang ramai borong sakan untuk persiapan raya.

"Sekarang di kedai runcit ini hanya tinggal telur ayam gred B sahaja.

"Saya tak pasti jika bekalan telur gred D tiba harga akan tetap murah atau kembali ke harga lama," katanya.

**"Saya pun tak pasti harga ini terus rendah sampai bila"**

Zaidah



TELUR mula dijual murah berikutan pelaksanaan Skim Harga Kawalan Runcit sejak 26 Mac lalu.